



Ruj. Kami : KUDR/GMDSB/A/12/24/0185 (18)
Tarikh : 14 Mac 2025

GAS MALAYSIA DISTRIBUTION SDN. BHD.

No E-2-01 & E-02-02 (Block E),
Sekitar 26 Enterprise,
Persiaran Hulu Selangor,
Seksyen 26,
40400, Shah Alam,
Selangor.
(u.p: Encik Mohamad Razali Bin Ramdzan@raaban)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PROJEK SISTEM PENGAGIHAN GAS ASLI KE TAPAH FL STAGE
2/24, TAPAH, PERAK DARUL RIDZUAN.**
PERKARA : PEMAKLUMAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan surat JKR Daerah Batang Padang, No. Rujukan: **(45)JKR.BP.29/1/600(GAS)** bertarikh **3 Mac 2025** adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya (D) Batang Padang telah **MEMBERI KEBENARAN IZIN LALU** kepada pihak tuan. Pihak JKR telah meluluskan permohonan Izin Lalu di atas hanya untuk melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat, Sehubungan dengan itu, tarikh kebenaran izin lalu yang diberikan adalah seperti berikut :

Tarikh Mula Izin Lalu	04.03.2025
Tarikh Tamat Izin Lalu	04.09.2025

3. Sehubungan dengan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan dokumen - dokumen seperti berikut :

- i. SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN/PERMIT PEMASANGAN UTILITI (Borang JKR/P-01/2022)
- ii. BORANG PERMOHONAN KELULUSAN/PERMIT PEMASANGAN UTILITI (Borang JKR/P-02/2022)
- iii. AKUJANJI ANTARA PEMOHON KELULUSAN DAN PENGARAH JKR NEGERI (Borang JKR/P-03/2022)
- iv. BORANG PEMERIKSAAN JALAN/ASET JALAN (Borang JKR/P-04/2022)
- v. PEMAKLUMAN DILANTIK SEBAGAI JURUTERA PROFESIONAL AWAM/ JURUTERA PERUNDING AWAM (Borang JKR/P-05/2022)
- vi. SENARAI SEMAK SEBELUM MEMULAKAN KERJA PEMASANGAN UTILITI (Borang JKR/P-06/2022)





Ruj. Kami : KUDR/GMDSB/A/12/24/0185 (18)
Tarikh : 14 Mac 2025

**PROJEK / KERJA : PROJEK SISTEM PENGAGIHAN GAS ASLI KE TAPAH FL STAGE
2/24, TAPAH, PERAK DARUL RIDZUAN.**

PERKARA : PEMAKLUMAN IZIN LALU

- vii. Pelan infrastruktur utiliti berserta CD
- viii. TCP yang direkabentuk oleh PEPC selaras dengan ATJ 2C/85 (Pindaan Terkini)
- ix. Salinan insurans yang masih berkuatkuasa
- x. *Method Statement*
- xi. Jadual Kerja

4. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Izzati Syazwani Binti Abdul Halim** di talian **010-3773697** untuk keterangan lanjut. Kerjasama daripada pihak Tuan/Puan saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)

Pengurus Koridor Negeri

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/14032025/Wah/izzati

